

Fail

#3018

Ucapan: ADHO

556

175/80

Speech by Encik Hussein Onn,  
Minister Of Education of Malaysia,  
at the dinner given in honour of  
Tan Sri Mashuri, Minister of Education  
and Culture of Indonesia, at the Lake  
Club Kuala Lumpur on 29th August, 1972  
at 8.15pm.

Y.M. Tan Sri Mashuri, Menteri Pendidikan dan Kebudayaan  
Indonesia, serta Puan Sri Mashuri.

Y.B. Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Y.B. Menteri2,

Tuan Yang Terutama Tan Sri Thalib, Duta Besar Republik  
Indonesia serta Puan Sri Thalib,

Y.B. Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'2, Datin2,

Tuan2 dan Puan2 sekelian.

Ucapan Y.B. Encik Hussein Onn, Menteri  
Pelajaran di Jamuan Makan Malam meraikan  
Y.M. Menteri Pendidikan dan Kebudayaan  
Indonesia di Lake Club, Kuala Lumpur  
pada 29.8.1972

---

Y.B. Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan saya, bagi pihak Kerajaan Malaysia, dengan seberapa sukacitanya mengalu-alu kedatangan Tan Sri dan Puan Sri Mashuri Ke Malaysia. Semasa saya dan isteri saya melawat Indonesia pada bulan Mei yang sudah, sebagai tetamu Kerajaan Indonesia, kami semua sangatlah terharu dengan sambutan yang sungguh meriah lagi mesra, yang diberikan oleh Tan Sri, Puan Sri dan Pegawai-Pegawai Kementerian serta lain-lain Jabatan tuan dan seluruh rakyat Indonesia. Rakan sejawat saya, Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan saya sendiri, ingin menyatakan kepada Tan Sri dan Puan Sri serta lain-lain anggota rombongan dari Indonesia bahawa kami menyambut lawatan tuan-tuan dan puan-puan dengan meriah dan mesra juga. Kami sesungguhnya berasa amat gembira, bahawa tuan dan puan dapat melawat dan melihat

negara kami, Malaysia.

Sebagai Menteri Pelajaran di negara masing-  
*berdua Bapak Mashuri*  
masing, kita / sedar dan faham sepenuhnya akan masaaalah-  
masaaalah bersama serta perasaan keciwa yang selalu  
kita hadapi. Kita sering kali dituduh tidak betul  
dalam dasar-dasar yang kita jalankan, dan sekiranya  
dasar-dasar itu diterima sebagai betul, kita pula  
selalu dituduh sebagai salah melaksanakan dasar-dasar  
itu, atau kita disifatkan terlalu lembut atau terlalu  
keras, dan yang lebeh dahsyat sekali, kita dituduh  
tidak tahu apa yang kita jalankan. Bapak Mashuri,  
oleh kerana kita ditempatkan dalam keadaan yang sedemikian  
rupa, kita berasa gembira dapat bertemu antara satu  
dengan lain, dan ~~sama-sama berbincang, dan kita dapati~~  
~~bahawa perbincangan itu dapat menghiburkan hati masing-~~  
*kita*  
~~masing kerana kita adalah ditakdirkan sebagai demikian.~~  
*oleh kerana kita ini adalah ditakdirkan tempuan tuduhan<sup>2</sup>.*


3. Saya mengambil peluang ini, untuk menyatakan betapa tingginya penghargaan kami, terhadap perjanjian yang telah dicapai oleh kedua-dua negara, berkenaan dengan Ujjaan Bersama. Kejayaan ini, mencerminkan daya pimpinan serta pandangan yang luas daripada pemimpin-pemimpin negara tuan. Benih kerjasama, diantara kedua-dua negara kita, dalam lapangan pelajaran, telah pun disemaikan. Keadaannya masih mentah dan muda lagi. Ianya perlu disiram dan dijaga dengan teliti. Benih ini, akan membesar menjadi suatu pohon yang besar dan rindang, dimana daun-daunnya akan memberi perlindungan dan harapan, sementara itu buahnya pula, akan memuaskan kelaparan rakyat yang berjuta-juta orang itu.

4. Bapak Mashuri, negeri tuan telah membantu kami dengan segala upayanya dibidang pelajaran. Tuan telah dan masih menolong kami dengan membekalkan Pensyarah-Pensyarah untuk Universiti-Universiti dan

yayasan pelajaran tinggi disini, dan juga guru-guru  
~~iaitu tenaga pengajar untuk Sains dan Ilmu Hisab~~  
bagi Sekolah-Sekolah Menengah kami. Kami berkehendakan  
lebeh ramai lagi tenaga pengajar ini, meskipun kami  
ketahui bahawa negara tuan menghadapi kekurangan  
tenaga pengajar yang sangat-sangat diperlukan.

5. Selain daripada bahasa, kedua-dua negara mempunyai kebudayaan <sup>yang</sup> hampir sama. Ini menembusi segala <sup>sekitaran</sup> ~~sukatan~~ ~~idua~~ alam dan juga politik. Kedua-dua negara kita seharusnya membuat apa jua untuk bekerjasama dengan lebeh berkesan <sup>lagi</sup> dibidang ini. Suatu permulaan telah pun dibuat melalui ASEAN, dimana Malaysia akan menyertai dengan cergas dipelbagai projek yang telah dirancang oleh pertubuhan itu. Diantara projek-projek yang dirancangkan itu, <sup>ialah</sup> ~~antara lain~~, pesta-pesta kebudayaan, seminar-seminar sastera, pameran-pameran lukisan, pertukaran pakar-pakar kebudayaan dan seniman-seniman.

6. Akhirnya, rakan sejawat saya, Yang Berhormat Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan saya sendiri, berharap Bapak dan Ibu Mashuri serta anggota rombongan yang lain, menikmati lawatan ke negara kami. Kami juga berharap, bahawa lawatan ini akan memperkokohkan lagi tali persaudaraan dan kerjasama dalam semua bidang di antara kedua negara kita.



Akhirnya, rakan sejawat saya, Yang  
 Berhormat Pengerusi Menteri Kebudayaan, Belia dan  
 Sukan dan saya sendiri, berharap Bapak dan Ibu  
 Mahuri serta anggota rombongan yang lain, menikmati  
 lawatan ke negara kami. Kami juga berharap, bahwa  
 lawatan ini akan memperkokohkan lagi tali persahabatan  
 dan kerjasama dalam semua bidang di antara kedua  
 negara kita.



No. Siri	..... 132
No. Penerimaan	..... 132/80